

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGAWAS HUTAN**

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN PERTANIAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GREJAWATAN/GAJI : **G11, G14, G17/18, G22, G26**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2013**

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GREJAWATAN G11

(c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Grejawan G11: RM877.51); atau

(ii) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Grejawan G11: RM923.66).

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GREJAWATAN G17

d) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Grejawan G17: RM988.55); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Grejawan G17: RM1,044.94).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. (a) Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G11 hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G17 hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G11 atau G17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja dan kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN
KOMPETENSI DAN
POTENSI
KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G14**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

11. Pengawas Hutan Gred G11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G14 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G18**

12. (a) Pengawas Hutan Gred G11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G18 yang kosong apabila telah:

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
- (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

(b) Pengawas Hutan Gred G14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G18 yang kosong apabila telah:

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G22**

13. Pengawas Hutan Gred G17/18 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G22 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G26**

14. Pengawas Hutan Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEMELIHARA
HUTAN GRED G27**

15. Pengawas Hutan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pengawas Hutan yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2005).